



KENYATAAN MEDIA  
24 NOVEMBER 2025

## **Orang Ramai Diingat Utamakan Keselamatan Elektrik dan Gas di Musim Banjir**

**Putrajaya, 24 November 2025** – Suruhanjaya Tenaga (ST) ingin mengingatkan orang ramai agar sentiasa berhati-hati dan mengutamakan keselamatan elektrik dan gas di musim banjir. Ini memandangkan banjir boleh mengakibatkan tiang elektrik tumbang, talian elektrik terputus, kerosakan kelengkapan elektrik, peralatan gas dan sebagainya.

Sehubungan itu, bagi memastikan keselamatan elektrik dan gas sentiasa terjamin, orang ramai perlu mengambil langkah-langkah pengawasan berikut:

### **Sebelum Banjir**

Sekiranya diarah berpindah, pastikan perkara berikut dilaksanakan:

1. Simpan kelengkapan elektrik di tempat yang tinggi dan selamat daripada ditenggelami air banjir.
2. Matikan suis bekalan utama di papan agihan elektrik.
3. Matikan pemasangan elektrik yang disambung secara berasingan daripada suis utama seperti solar PV, pagar elektrik atau pengecas kenderaan elektrik.
4. Tutup injap silinder gas atau gas berpaip.

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

## **Semasa Banjir**

1. Elak melalui kawasan yang mempunyai talian elektrik atau pemasangan elektrik seperti pencawang dan bilik suis elektrik yang ditenggelami air.
2. Elak daripada memegang tiang atau apa-apa struktur yang menyalurkan elektrik.
3. Jangan mengalih tiang elektrik yang tumbang atau talian yang putus. Segera laporkan kepada pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB).

## **Selepas Banjir**

1. Pastikan suis utama di papan agihan elektrik dan injap saluran gas berada pada kedudukan 'OFF' sebelum kerja pembersihan dimulakan.
2. Sebelum 'ON' suis utama, pastikan kelengkapan elektrik dalam keadaan baik dan kering.
3. Sentiasa berwaspada apabila menjalankan aktiviti pembersihan banjir berdekatan dengan talian, struktur pemasangan elektrik dan saluran gas berpaip.
4. Elak menggunakan kelengkapan elektrik dan peralatan gas yang diragui keselamatannya.
5. Sekiranya meragui keselamatan sistem elektrik dan gas berpaip, dapatkan perkhidmatan kontraktor elektrik atau gas yang berdaftar dengan ST.

ST turut menasihatkan agar orang ramai menyimpan nombor telefon pejabat kecemasan yang berdekatan seperti balai polis, bomba, hospital serta pihak utiliti, iaitu TNB dan N.U.R. Power. Sila pastikan nombor tersebut mudah diakses semasa kecemasan.

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan atau aduan mengenai perkara ini, sila hubungi ST melalui talian 03-8870 8800 atau emel ke [eaduan@st.gov.my](mailto:eaduan@st.gov.my). Layari juga laman web ST di [www.st.gov.my](http://www.st.gov.my) untuk maklumat terkini berkenaan sektor tenaga negara.

**\*\*\*TAMAT\*\*\***

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi [media@st.gov.my](mailto:media@st.gov.my).*

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.